

KSM anjur kursus TVET khas bagi masyarakat Orang Asli

SUNGAI SIPUT: Kementerian Sumber Manusia (KSM) bercadang menawarkan pelaksanaan kursus terpilih bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada masyarakat Orang Asli secara 'in-situ' atau di kedudukan asal penempatan masyarakat itu.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, berkata ia bagi menarik minat anak muda golongan masyarakat itu mempelajari dan menguasai TVET pada ketika kerajaan menyasarkan peningkatan iaitu 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi baharu dalam sektor ekonomi menjelang 2030.

Katanya, selain pelaksanaan kursus di demografi penempatan Orang Asli, perkara lain yang akan turut diambil kira bagi menarik minat Orang Asli mempelajari TVET adalah melalui pelaksanaan kursus secara modular berbanding mengikuti pengajaran berpandukan silibus sedia ada yang agak memakan masa lama.

"Bukan semua kursus boleh dibuat secara in-situ walaupun kami sememangnya bercadang melaksanakannya, iaitu anak muda Orang Asli tidak perlu keluar jauh untuk belajar kemahiran, sebaliknya kita bawa kemahiran terbabit ke penempatan mereka.

"Contohnya, di kawasan ini ada Pusat Hentian Setempat Perkampungan Orang Asli (OAOSC) yang memang sesuai dan boleh digunakan untuk mempelajari kemahiran dalam TVET.

"Mengenai kursus secara modular, ia dilihat lebih diminati kerana tempohnya lebih pendek berbanding sedia ada yang memerlukan kursus bertahunan.

"Bagi kursus modular, mungkin dalam tempoh hanya dua bulan mereka boleh mempelajari dan menguasai sesuatu kemahiran lalu bekerja; dan selepas tamat mereka boleh menambah kemahiran dengan mengikuti kursus modul lain," katanya selepas Program TVET dan Kerjaya Orang Asli di Dewan OAOSC Bawong, Kampung Bawong, di sini, hari ini.

Ditanya mengenai statistik dan tahap penyertaan masyarakat Orang Asli dalam program TVET setakat sekarang, Sivakumar tidak mendedahkannya, namun berkata program TVET untuk Orang Asli bukan baharu.

Ahli Parlimen Batu Gajah itu berkata, bagaimanapun program berkaitan TVET Orang Asli yang dilaksanakan sebelum ini dilihat tidak mencapai matlamat dikehendaki, malah boleh dianggap gagal.

"Ada banyak program dilaksanakan KSM bersama agensi berkaitan Orang Asli seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sememangnya berjaya, tetapi kita kena lihat juga kegagalan dalam beberapa aspek.

"Kita berusaha memperbaiki program ini boleh mencapai tahap 100 peratus, maksudnya kalau ada seseorang anak muda masuk mempelajari kemahiran tertentu, dia belajar daripada A sampai Z bagi melayakkannya mendapatkan sijil.

"Kita tak mahu jika dia pada mulanya berminat belajar, tetapi selepas dua atau tiga minggu mungkin putus asa pula dan tak mahu belajar lagi. Dari situ kita rugi dalam banyak hal termasuk sumber dan masa.

"Jadi untuk mengelak perkara ini, kita sedang mencari kaedah terbaik yang satu daripadanya ialah kita bawa program TVET secara in-situ, selain melalui kursus secara modular," katanya.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

3 JUN 2023

